

## Membina bandar kemanusiaan

Hari perancangan bandar sedunia tahun ini bertemakan Bandar Hijau Komuniti Bahagia, disambut dalam suasana penduduk bandar melebihi jumlah penduduk desa dan landskap sebilangan besar bandar di dunia tidak seperti yang diimpikan penghuninya.

Keadaan ini berbeza daripada idea yang diutarakan pengasas gerakan bandar dalam taman, Ebenezer Howard, pada 1898 untuk mengubah landskap bandar yang dilihat begitu bermasalah dari aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi kepada satu landskap yang mampu memberikan kesejahteraan kepada penghuninya.

Idea awal beliau tidak hanya tertumpu kepada alam sekitar bandar, tetapi juga aspek lain yang mendasari pembangunan bandar itu. Namun, idea itu tidak dirungkai untuk diterapkan dalam perancangan bandar terutama di Malaysia.

### Proses pembandaran sejak awal 1970-an

Proses pembandaran di negara ini berlangsung begitu pesat sejak awal 1970-an hingga sekarang dengan matlamat membawa kepada pemodenan dan meningkatkan taraf kehidupan masyarakat yang lebih baik dan sempurna.

Namun kemodenan yang diharapkan meningkatkan asas kesepaduan dan kerukunan kehidupan, sebaliknya membawa kepada sikap individualisme yang semakin menebal dalam kalangan warga bandar. Ia juga melunturkan semangat kejiranan walaupun kebanyakan anggota masyarakat hanya dipisahkan batu-bata setebal beberapa inci saja.

Dalam menempuh ruang kemajuan itu, elemen fizikal yang dibina sudah begitu baik tetapi elemen manusia dan kemanusiaan seolah-olah tidak disertakan bersama. Akibat kesenjangan di antara penyediaan fizikal dan penerapan unsur kemanusiaannya, pelbagai gejala sosial melanda masyarakat di bandar hari ini. Malah jenayah seperti bunuh dan pembunuhan bayi turut membabitkan remaja dan pelajar sekolah.

### Terap nilai kemanusiaan

Justeru, untuk menerapkan nilai kemanusiaan, 'prasarana pemikiran' warga bandar perlu dipenuhi dengan nilai pembangunan modal insan yang tidak dibelenggu nilai ketidakmampuan seperti rasuah dan sikap tidak acuh.

Mewujudkan modal sosial yang utuh di kalangan warga bandar memerlukan keterbukaan yang beretika, berintegriti, bebas rasuah dan mempunyai iltizam tinggi terhadap tempat dan ruang yang dihuni.

Persoalannya, sejauh manakah prasarana yang dibina itu mampu meningkatkan kualiti kehidupan masya-

rakat yang menghuni sesebuah kawasan berlandaskan kepada nilai dan moral yang baik dan seterusnya membentuk 'prasarana pemikiran' yang sempurna.

### Kemalangan, kesesakan masih berlaku

Sebagai contoh, rangkaian jalan dan lebuhraya dibina dengan begitu canggih, namun kemalangan dan kesesakan masih berlaku secara berterusan dan kadangkalanya tanpa mengira waktu berbanding sebelum ini. Kalau dulu kesesakan hanya tertumpu pada waktu pagi ketika warga kota pergi ke pejabat dan sebelah petangnya ketika pulang dari tempat kerja, hari ini ia berlaku seolah-olah sepanjang masa.

Adakalanya kesesakan itu akibat sistem jalan raya itu sendiri, tetapi lazimnya sikap pemandu yang mementingkan diri memburukkan keadaan. Justeru, modul latihan memandu perlu diperkemas supaya lebih seiring dengan pembangunan kawasan perbandaran. Jika unsur kesabaran dan bertolak ansur dapat diterapkan, sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan kesesakan yang disebabkan sikap pemandu.

Jika diambil contoh pembinaan kawasan atau taman perumahan pula, ruang yang terdapat hanya tertumpu kepada persekitaran individu semata-mata tanpa meletakkan ruang untuk interaksi yang mencukupi untuk bersantai, riadah, mesyuarat dan sebagainya. Malah ruang interaksi jika disediakan pun hanya untuk golongan peringkat usia tertentu tanpa mengambil kira keseluruhan penghuni kawasan perumahan berkenaan.

### Kehidupan selesa, berkualiti

Melalui proses perubahan bandar itu, apa yang diharapkan ialah kehidupan yang selesa dan berkualiti melalui interaksi positif dalam kalangan penduduk serta jaringan penghubung yang tidak sesak atau mengambil masa yang panjang untuk ke sesuatu destinasi. Keadaan ini akhirnya akan membawa kepada pembentukan jati diri yang sempurna bagi rakyat negara ini.

Justeru, bandar dengan nilai kemanusiaan ialah di mana penduduknya memiliki nilai sepunya yang berlandaskan kepada moral dan etika yang tinggi seiring dengan kepesatan pembangunan fizikal yang dibina. Bandar tanpa nilai kemanusiaan itu boleh diibaratkan seperti jasad tanpa roh atau lagu tanpa irama.



### Penulis

ialah Pensyarah Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



SAHARUDIN  
IDRUS